

**UCAPAN PERASMIAN BENGKEL PENYELIDIKAN *MIXED METHOD* III, YBHG. KOLONEL PROF. DATUK KAMARUZAMAN AMPON, NAIB CANCELOR, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

*Bismillahir Rahmannir Rahim*

*Assalammualaikum wbt. dan Salam Sejahtera*

*Terima kasih Pengacara Majlis*

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Andreas Totu, Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.

Prof Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Abdul Rahman, Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan & Inovasi) merangkap Pengerusi Bengkel Penyelidikan Mixed 3.

Yang dihormati Para Pembentang kertas kerja dan para peserta.

Tuan-tuan dan puan-puan

1. Tahniah dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak penganjur, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) di atas kejayaan menganjurkan **Bengkel Penyelidikan Mixed Method 3, anjuran Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa.**

2. Saya difahamkan bahawa para peserta Bengkel ini juga datang dari luar negeri Sabah. Sehubungan itu, saya mengucapkan Selamat Datang ke Negeri Sabah di Bawah Bayu amnya, dan Selamat Datang ke Kota Ilmu, Universiti Malaysia Sabah yang terletak di dalam Kota Indah, Bandaraya Kota Kinabalu, khasnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Langkah PPIB mengadakan Bengkel Penyelidikan *Mixed Method* yang antara lain bertujuan untuk membincangkan kaedah menjalankan penyelidikan dalam pelbagai bidang (sastera dan kemanusiaan, ekonomi, perniagaan, pendidikan, psikologi, bahasa dan sains gunaan) adalah suatu langkah yang tepat pada masanya.

4. Pada dasarnya, keperluan kerjasama antara ahli akademik daripada pelbagai bidang ilmu tidak dapat dinafikan dengan adanya bidang ilmu campuran seperti psiko-linguistik, sosio-ekonomi dan lain-lain. Perkembangan kajian antara-disiplin yang semakin popular dewasa ini memerlukan pemahaman silang-disiplin yang mendalam.

5. Ahli akademik bukan sahaja perlu mengetahui bidang masing-masing tetapi perlu sedar akan pertindihan antara bidangnya dan pelbagai bidang kemanusiaan yang lain. Aspek-aspek yang berkaitan dengan penyelidikan seperti epistemologi, ontologi, metod, alat dan sumber perlu diperjelaskan dengan lebih mendalam bagi menghadapi cabaran-cabaran semasa dunia.

6. Bengkel ini penting dalam usaha untuk memahami silang-disiplin tersebut, sambil berpegang kepada prinsip-prinsip asas sains dan ilmiah dalam disiplin masing-masing. Ini akan membuka peluang dalam mengujudkan kerjasama antara ahli-ahli akademik. Ahli akademik akan berasa lebih yakin terhadap kaedah yang digunakan dalam bidang kajiannya sendiri serta akan mengetahui setakat mana dan cara yang sesuai untuk mereka mewujudkan kerjasama dengan ahli akademik daripada bidang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

7. Pihak univerti sentiasa memberi sokongan dan dukungan kepada langkah PPIB untuk mengumpul pakar dalam bidang kaedah penyelidikan **mixed methods** agar dapat menjadi sebahagian dari tulang belakang kepada pengujudan *niche* bagi Univerisiti ini.

8. Pihak kami juga berbangga dengan usaha PPIB untuk menghasilkan Asian Journal of Mixed Methods (AJMM) dan penubuhan persatuan Association of Mixed Methods Researcher (AMMR) di UMS. Sehubungan dengan itu, pihak universiti akan berusaha menjadi rujukan utama dalam bidang Mixed Methods.

9. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pengerusi jawatankuasa penganjur dan semua ahlinya. Semoga hasil bengkel ini dapat mencapai objektif yang digariskan dan menyumbang kepada penghasilan penyelidikan bermutu dan berinovatif.

10. Semoga Bengkel ini menjadi satu lagi pemangkin kepada usaha UMS menjadi sebuah pusat rujukan penyelidikan yang tersohor di rantau ini. Dengan harapan sedemikian, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Bengkel Penyelidikan Mixed Method III.

Sekian, terima kasih.